



St Leonard's College

Keputusan Akademik

Pelajar Tahun 2016



Tahniah

Pelajar Tahun 2016

Keputusan Program Diploma International Baccalaureate (IBDP)

- Sophie Tallis, Rhea Singh dan Isobel Galloway mencapai markah sempurna 44/45 (ATAR 99.85*), yang menempatkan mereka dalam kelompok 1% lulusan IBDP yang terbaik di dunia
- ATAR median adalah 96.80
- 22% pelajar mencapai ATAR 99 ke atas, yang menempatkan mereka dalam kelompok 1% yang terbaik di negeri ini
- 80% pelajar mencapai ATAR 90 ke atas, yang menempatkan mereka dalam kelompok 10% yang terbaik di negeri ini

* Pelajar IBDP diberikan nilai Australian Tertiary Admission Rank (ATAR) nosional

Keputusan VCE

Rebecca O'Connell dan Samuel Slykhuis terpilih sebagai dux VCE, dengan Australian Tertiary Admission Ranks (ATAR) cemerlang 99.35.

Keputusan gabungan VCE dan IBDP

- 39% pelajar mencapai ATAR 90 ke atas, yang menempatkan mereka dalam kelompok 10% yang terbaik di negeri ini
- 65% pelajar mencapai ATAR 80 ke atas, yang menempatkan mereka dalam kelompok 20% yang terbaik di negeri ini
- ATAR median adalah 85.75

Dux IBDP

Sophie Tallis, Rhea Singh dan Isobel Galloway



Sophie Tallis - markah IBDP 44, ATAR 99.85

Sophie memanfaatkan sepenuhnya setiap peluang di St Leonard's, memberi sumbangan kepada pelbagai program kokurikulum. Dia terutama sekali banyak terlibat dalam Hart Theatre Company, sebagai kru teknikal dan sebagai pemegang peranan utama dalam sejumlah persembahan. Selain itu, Sophie menyertai program perdebatan, pidato umum, Rumah, sukan dan keadilan sosial, selain berkhidmat dalam Majlis Pelajar. Dia menerima Lencana Penuh Perdebatan, Lencana Penuh Drama, Lencana Penuh Penerbitan Teknikal, Lencana Penuh Rumah dan Lencana Penuh Kolej sepanjang waktu di Senior School.

Sophie juga sangat berjaya di kelas, menerima anugerah Kecemerlangan Akademik Am tahun 10 dan Lencana Penuh Akademik tahun 11 dan 12. Dia menerima Hadiah Mata Pelajaran bagi Sastera dan Teater, dan berkat pencapaian tinggi meliputi semua mata pelajaran dia meraih markah IBDP 44 (ATAR 99.85).

Sophie berterima kasih kepada semua gurunya, sejak ELC3 ketika dia menyertai Kolej hingga tahun 12, atas segala sokongan dan jasa mereka melebihi kewajipan sehingga dia mencapai yang terbaik.

Dia telah ditawarkan biasiswa Universiti Nasional Australia (ANU) untuk mengambil ijazah ganda Sastera dan Undang-Undang.



Rhea Singh - markah IBDP 44, ATAR 99.85

Rhea pelajar yang cemerlang di dalam dan di luar kelas, dan sentiasa tinggi pencapaiannya sepanjang masa di St Leonard's. Sejak menyertai Kolej pada tahun 4, Rhea memanfaatkan sepenuhnya segala tawaran St Leonard's, menyertai pelbagai rupa aktiviti muzik, sukan, kepimpinan, perdebatan, Rumah dan keadilan sosial. Berkat sumbangannya kepada program kokurikulum Kolej, dia dianugerahi Lencana Penuh Muzik, Lencana Penuh Rumah, Lencana Penuh Kolej dan Lencana Separuh Perdebatan, di samping Pingat Perak bagi Penyertaan dan Pencapaian Unggul untuk Rumah Munro. Rhea juga dilantik menjadi ahli Majlis Pelajar tahun 2016.

Rekod akademiknya juga mengagumkan, termasuk anugerah Kecemerlangan Akademik Am tahun 10, Lencana Akademik Penuh tahun 11 dan 12, dan Hadiah Mata Pelajaran bagi Biologi, Kimia, Matematik dan Psikologi. Markah IBDP 44 (ATAR 99.85) menjadi bukti kerja kerasnya.

Rhea berterima kasih kepada Mentor Jacqueline Raphael, dan Ketua Rumah Lara Gambino atas sokongan mereka yang menjadikan pengalaman di Rumah Munro kenangan yang abadi baginya. Nasihatnya kepada pelajar tahun 12 akan datang ialah supaya memanfaatkan sepenuhnya pengalaman di situ dengan menggunakan segala peluang yang disediakan dan menjalin hubungan dengan rakan sekelas.

Rhea akan mengikuti pengajian Perubatan di Universiti Monash.



Isobel Galloway – markah IBDP 44, ATAR 99.85

Isobel merupakan anggota masyarakat St Leonard's yang setia sepanjang masa dia berada di Kolej. Sejak menyertai St Leonard's pada tahun 1, Isobel ikut serta dalam berbagai-bagai aktiviti kolej termasuk skuad renang, kelab berlari, pelbagai ensemble muzik, perdebatan, lumba kembara, sukan dan jawatan kepimpinan. Dia dianugerahi Lencana Penuh Lumba Kembara, Lencana Penuh Rumah, Lencana Penuh Kolej, Lencana Separuh Renang, dan Lencana Penuh Touch Football. Isobel juga menerima Anugerah Kewarganegaraan Rotary, Anugerah Long Tan ADF bagi Kepimpinan dan Kerjasama Kumpulan, Anugerah Jean dan Charles Stoneman bagi Sumbangan kepada Kehidupan Kolej, serta Pingat Emas Penyertaan dan Pencapaian Unggul Rumah Newman.

Sumbangan dan kepimpinannya selama bertahun-tahun di Kolej telah diiktiraf dengan pelantikan sebagai Kapten Kolej pada tahun akhirnya 2016.

Sophie turut cemerlang di kelas, menerima anugerah Kecemerlangan Akademik Am tahun 10 dan Lencana Penuh Akademik tahun 11 dan 12. Markah IBDP 44 (ATAR 99.85) menjadi bukti kerja keras dan kebolehan yang menyeluruh. Isobel mengucapkan terima kasih kepada semua guru St Leonard's selama ini, yang menjadi inspirasi bagi dirinya dan membantunya tumbuh sebagai insani.

Isobel telah menerima tawaran pengajian Perubatan di Universiti Monash.

Dux VCE

Rebecca O'Connell dan Samuel Slykhuis



Rebecca O'Connell - ATAR 99.35

Rebecca menyertai St Leonard's pada tahun 7. Selama berada di St Leonard's College, dia merupakan pelajar berjaya di dalam mahupun di luar kelas. Tahun 2015, dia mengambil Psikologi VCE Unit 3/4 dan meraih markah penuh pengajian iaitu 50. Untuk tahun 12, dia mengambil

Bahasa Inggeris, Kaedah Matematik, Kimia, Fizik dan Pengurusan Perniagaan, lalu meraih Hadiah Mata Pelajaran Kolej untuk empat daripadanya, selain Lencana Penuh Akademik dan anugerah Kecemerlangan Akademik Am. ATAR 99.35 merupakan bukti kesungguhan dan kerja kerasnya.

Beban akademiknya dapat diseimbangkan dengan penyertaan dalam berbagai-bagai aktiviti kokurikulum, termasuk pasukan Bola Jaring Senior Kolej yang memenangi Pertandingan Perdana ACS. Penglibatan sebagai kru belakang pentas untuk sejumlah persembahan Hart Theatre Company juga merupakan saat istimewa baginya di Kolej.

Isobel menerima biasiswa untuk mengikuti pengajian Kejuruteraan di Universiti Monash.



Samuel Slykhuis - ATAR 99.35

Samuel memulakan pendidikan di St Leonard's pada tahun 4. Selama lapan tahun di Kolej, dia memanfaatkan banyak peluang kokurikulum meliputi berbagai-bagai bidang. Antara kemuncak penglibatannya dalam kokurikulum ialah menjadi ahli pasukan sulung Kolej yang

memenangi Pertandingan Perdana Bola Sepak ACS, dan menyertai Cabaran Hilary di New Zealand pada 2015. Pada 2016, dia dianugerahi Lencana Kolej bagi Atletik, dan Lencana Separuh bagi Bola Sepak dan Rentas Desa, serta dipilih untuk menganggotai Majlis Pelajar. Samuel juga pemuzik dan seniman berbakat, terutama sebagai anggota ensemble untuk Inheritance, persembahan drama Senior School tahun ini.

Selain kejayaan kokurikulum, Samuel juga cemerlang di kelas, menerima Hadiah Mata Pelajaran bagi Bahasa Inggeris, Geografi, dan Pendidikan Jasmani pada tahun 12. Dia mengambil Bahasa Inggeris, Pendidikan Jasmani, Geografi, Kaedah Matematik dan Biologi untuk VCE, meraih ATAR cemerlang 99.35.

Samuel akan mengikuti pengajian Fisioterapi di Universiti Monash.

Program Akademik Kami

St Leonard's College menawarkan kedua-dua program, VCE dan IBDP, sebagai laluan ke pendidikan tinggi.

VCE merupakan kursus fleksibel dengan Bahasa Inggeris sebagai satu-satunya mata pelajaran wajib. Pelajar dapat menyesuaikan kursus mengikut minat dan matlamat masa depannya, sama ada dengan mengkhususkan satu bidang atau memilih pelbagai mata pelajaran dalam sejumlah disiplin.

IBDP mengutamakan pengajian yang luas. Pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran dalam pelbagai bidang seperti Sains, Matematik dan Kemanusiaan, serta sekurang-kurangnya satu bahasa asing. Selain itu, semua pelajar menamatkan tiga mata pelajaran teras, dengan melakukan aktiviti kreatif, aktif dan bersifat perkhidmatan. Dalam dunia yang semakin erat terhubung, lulusan sekolah bukan bersaing dengan rakan sebaya di sekolah Victoria dan Australia sahaja lagi, bahkan dengan pelajar dari seluruh dunia. Menyedari kegigihan akademik IBDP, banyak universiti terkemuka dunia menawarkan kedudukan lanjutan atau kredit untuk para lulusan program ini.

Satu tinjauan Agensi Statistik Pendidikan Tinggi (HESA) di UK telah mengkaji ciri dan trend kira-kira 6500 orang pelajar IBDP, berbanding dengan kumpulan pelajar peringkat A dan selainnya di institusi pendidikan tinggi. Tinjauan itu menunjukkan pelajar IBDP lebih besar kemungkinan memasuki 20 institusi paling terkemuka, meraih ijazah kepujian atau anugerah, melanjutkan pengajian, serta memegang jawatan peringkat siswazah dan bergaji lebih tinggi (HESA 2011).


St Leonard's College memperkenalkan IBDP pada tahun 1982. Hasil pengalaman 35 tahun dan hubungan berterusan yang lancar antara kami dengan Pertubuhan International Baccalaureate (IBO), pelajar IBDP mendapat sokongan dan pengajaran yang terbaik.

Universiti yang menjadi Tujuan

Di kalangan lulusan 2016 yang memohon melalui VTAC, 97.8% mendapat tawaran pusingan pertama.

Universiti Monash merupakan pilihan paling popular bagi lulusan VCE dan IBDP kami. 39% ditawarkan tempat dalam satu kursus di Monash. Selain itu, RMIT dan Universiti Melbourne juga menerima ramai pelajar kami, iaitu 33%.

Kursus paling popular ialah Perniagaan (23%), Sains Kesihatan (14%), Sastera (14%) dan Sains (11%). Lulusan kami juga memohon untuk mengikuti pengajian di universiti luar wilayah, seperti di Canberra dan Adelaide, serta di luar negara.



Biasiswa

Pelajar-pelajar berikut menerima biasiswa untuk pengajian tahun 2017:

- Rebecca O'Connell – Kejuruteraan, Biasiswa Kecemerlangan dari Universiti Monash
- Clare Valder - Kejuruteraan, Biasiswa Kecemerlangan dari Universiti Monash
- Emma Chapman - Kejuruteraan, Biasiswa Kecemerlangan dari Universiti Monash
- Adele Kennedy – Pengajian Sedunia, Kejuruteraan, Biasiswa Kecemerlangan dari Universiti Bond
- Annabel Thomas – Media dan Komunikasi, Biasiswa Naib Canselor dari Universiti Swinburne
- Matthew Chapman – Kejuruteraan, Biasiswa Naib Canselor dari Universiti Swinburne
- Sophie Tallis – Sastera/Undang-Undang, Biasiswa Kepujian Nasional dari Universiti Nasional Australia
- Chris Martin – Teknologi Maklumat, Biasiswa Pembelajaran Berasaskan Industri dari Universiti Monash
- Stephen Follows – Teknologi Maklumat, Biasiswa Pembelajaran Berasaskan Industri dari Universiti Monash
- Alexandra Pert – Psikologi, Biasiswa Naib Canselor dari Universiti Swinburne
- Hanna Straume Tsai – Seni Bina Dalaman, Biasiswa Kecemerlangan dari Universiti Monash